



27.07.2026

Kepada: Para Wakil Persidangan & Setiausaha Cawangan

Saudara / Saudari,

Aturcara dan Agenda untuk Persidangan Parti Tahun 2026

Dengan ini dimaklumkan bahawa Aturcara dan Agenda untuk Persidangan Parti yang akan diadakan di **Putrajaya International Convention Centre (PICC), Presint 5, 62000 Putrajaya, W.P. Putrajaya** pada 16 Ogos 2026 (Ahad) adalah seperti berikut:

8.00 pagi - 9.30 pagi : Pendaftaran Para Wakil.
9.30 pagi - 9.45 pagi : Para Wakil mengambil tempat masing-masing.
9.45 pagi : Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Pusat mengambil tempat masing-masing.
9.50 pagi : Speaker dan Timbalan Speaker mengambil tempat masing-masing.

Upacara Pembukaan Rasmi

9.55 pagi : (1) Negaraku (2) Lagu Parti

Urusan Rasmi Kongres Parti

1. Ucapan Aluan oleh Pengerusi Kebangsaan;
2. Ucapan Dasar oleh Setiausaha Agung;
3. Laporan Jawatankuasa Tertinggi Pusat dibentangkan oleh Setiausaha Agung;
4. Meluluskan Minit Kongres Parti yang terdahulu;
5. Menimbang dan menerima daripada Jawatankuasa Tertinggi Pusat satu Penyata Kira-kira Kewangan yang telah diaudit dengan sempurna dan meliputi tahun-tahun kewangan yang terdahulu;
6. Menimbang dan menerima Laporan Jawatankuasa Tertinggi Pusat;
7. Meluluskan ketetapan-ketetapan yang dibentangkan oleh Jawatankuasa Tertinggi Pusat.

5.30 petang : Mesyuarat ditangguhkan *sine die*.

Sekian, terima kasih.

Rakan seperjuangan anda,


.....
Loke Siew Fook
Setiausaha Agung



<https://persidangan2026.dapmalaysia.org/>

MUSTAHAK:

- (1) Para wakil telah diperuntukkan satu **NOMBOR WAKIL** yang tertera di sampul surat. **Sila imbas Kod QR di atas untuk mendapatkan salinan dokumen Persidangan dan sebagainya (termasuk dokumen dalam bahasa cina & tamil);**
- (2) Agenda Persidangan hanya dihantarkan kepada para Wakil dan Setiausaha cawangan sahaja.
- (3) Para Wakil diminta membawa bersama laporan/dokumen Persidangan yang telah dihantarkan kepada mereka kerana mereka **TIDAK AKAN** diberikan laporan/dokumen yang sama di Persidangan Parti;
- (4) Para Wakil hendaklah memakai **PAKAIAN SERAGAM PARTI** (Lelaki: baju putih dan seluar panjang hitam; wanita: baju putih dan skirt/seluar panjang hitam).
- (5) Makan tengahari akan dibekalkan untuk para Wakil berdaftar di lokasi mesyuarat.
- (6) Persidangan Parti Tahun 2026 kali ini **adalah DIHADKAN kepada para Wakil sahaja.**